

PT3 Praktis 2: Kata Adjektif

Buku Teks: m.s. 31

Bahagian A

A. Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

- 1 Pomain pertahanan itu duduk lalu mengurut-urut bahagian betisnya yang _____.
 A kembang C kecil
 B ketat D kejang
- 2 Sultan Johor _____ terhadap pihak yang tidak bertanggungjawab menyebarkan berita palsu itu.
 A geram C murka
 B marah D bengang
- 3 Hubungan Marsha dengan Waina menjadi _____ sejak berlakunya peristiwa perselisihan faham itu.
 A renggang C jarang
 B longgar D luas

Soalan 4 berdasarkan gambar di bawah ini.



- 4 Ayah mengait buah rambutan dengan menggunakan sebatang galah yang _____.
 A lebar C tajam
 B besar D panjang

B. Pilih ayat yang menggunakan perkataan berhuruf condong dengan betulnya.

- 1 I Buah limau yang baru dipetik itu kelihatan *muram* dan masam rasanya.
 II Cuaca agak *muram* ketika kami mendirikan khemah di tepi pantai.
 III Puan Siti pulang dari pejabat dengan wajah *muram* kerana geram akan rakan setugasnya.
 IV Keadaan ekonomi global yang *muram* turut menjejaskan pertumbuhan ekonomi negara kita.
 A I dan II sahaja
 B III dan IV sahaja
 C I, II, dan III sahaja
 D II, III, dan IV sahaja
- 2 I Suara penyanyi utama kumpulan itu begitu nyaring dan *tajam*.
 II "Banyak kemalangan yang berlaku di selekoh *tajam* itu," kata Inspektor Adri.
 III Ayah memerhatikan gelagat remaja yang nakal itu dengan pandangan yang *tajam*.
 IV Wanita itu melemparkan sindiran *tajam* kepada orang kampung yang memandang serong kepadanya.
 A I dan II sahaja
 B III dan IV sahaja
 C I, II, dan III sahaja
 D II, III, dan IV sahaja

Bahagian B

Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat *satu kesalahan bahasa*. Kenal pasti kesalahan tersebut dan *tulis jawapan* yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Adik sukakan buah rambutan yang ditanam oleh datuk itu kerana rasanya manis.

- (ii) "Pemandangan dari atas Bukit Batu Putih nian indah" kata Razif kepada rakan-rakannya.
